

Penyata kedudukan kewangan disatukan Pada 31 Disember 2024				
	Kumpulan		Bank	
	2024	2023	2024	2023
	S\$'000	S\$'000	S\$'000	S\$'000
Aset-Aset				
Wang tunai dan baki dengan bank pusat	1,434,802	1,148,184	1,434,802	1,148,184
Sekuriti dan bil perbendaharaan pemerintah	3,757,590	3,742,413	3,757,590	3,742,413
Sekuriti hutang lain	215,754	260,854	215,754	260,854
Baki dan penempatan dengan dan pinjaman kepada bank-bank	150,669	104,838	150,669	104,838
Bil-bil belum terima	2,442	1,481	2,442	1,481
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan-pelanggan bukan bank	28,038,079	24,767,346	28,038,079	24,767,346
Jumlah belum dibayar daripada perbadanan berkaitan	10,336,845	8,921,468	10,336,845	8,921,468
Aset-aset lain	116,751	158,943	116,583	158,943
Aset-aset cukai tertunda	1,189	3,028	1,189	3,028
Aset-aset tidak ketara	84,675	73,659	84,675	73,659
Aset-aset hak guna	58,995	56,646	58,995	56,646
Hartanah dan peralatan	29,462	24,222	29,462	24,222
Jumlah aset	44,227,253	39,263,082	44,227,085	39,263,082
Liabiliti				
Jumlah belum dibayar kepada bank pusat	–	57,098	–	57,098
Depositi pelanggan-pelanggan bukan bank	39,744,880	35,244,521	39,744,880	35,244,521
Bil-bil belum bayar	89,718	130,649	89,718	130,649
Jumlah belum dibayar kepada perbadanan berkaitan	87,727	8,388	87,921	8,388
Cukai pendapatan semasa belum dibayar	50,532	36,476	50,532	36,476
Liabiliti lain	275,481	261,625	275,481	261,625
Liabiliti pajakan	61,282	57,717	61,282	57,717
Nota subordinat	504,916	504,916	504,916	504,916
Sekuriti hutang yang dikeluarkan	1,042,146	639,385	1,042,146	639,385
Jumlah liabiliti	41,856,682	36,940,775	41,856,876	36,940,775
Equity untuk pemilik				
Modal saham	2,000,000	2,000,000	2,000,000	2,000,000
Keuntungan terkumpul	368,378	320,636	368,016	320,636
Rizab pelarasan nilai saksama	2,193	1,671	2,193	1,671
Jumlah ekuiti untuk pemilik	2,370,571	2,322,307	2,370,209	2,322,307
Jumlah liabiliti dan ekuiti untuk pemilik	44,227,253	39,263,082	44,227,085	39,263,082
Butiran di luar kunci kira-kira				
Liabiliti kontigensi	239,617	266,406	239,617	266,406
Komitmen	9,817,696	9,537,637	9,817,696	9,537,637
Derivatif kewangan (nosional)	4,964,643	5,702,621	4,964,643	5,702,621
Jumlah butiran di luar kunci kira-kira	15,021,956	15,506,664	15,021,956	15,506,664

Nota-nota kepada akaun-akaun membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan yang telah diaudit dan pemahaman lengkap mengenai penyata dan keadaan bank tidak dapat diperolehi tanpa merujuk kepada penyata kewangan lengkap bank yang telah diaudit.

Penyata pendapatan komprehensif disatukan Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024				
	Kumpulan		Bank	
	2024	2023	2024	2023
	S\$'000	S\$'000	S\$'000	S\$'000
Pendapatan faedah	1,482,987	1,321,666	1,498,603	1,321,666
Perbelanjaan faedah	(961,278)	(848,970)	(979,125)	(848,970)
Pendapatan faedah bersih	521,709	472,696	519,478	472,696
Pendapatan yuran dan komisen	317,123	233,929	317,123	233,929
Perbelanjaan yuran dan komisen	(36,684)	(48,785)	(36,684)	(48,785)
Pendapatan yuran dan komisen bersih	280,439	185,144	280,439	185,144
Keuntungan perdagangan dan pendapatan tukaran matawang asing	37,199	27,948	37,199	27,948
Pendapatan lain	62,598	56,467	64,467	56,467
Jumlah pendapatan butiran lain	99,797	84,415	101,666	84,415
Pendapatan sebelum perbelanjaan operasi	901,945	742,255	901,583	742,255
Pendapatan kakitangan dan lain	(350,405)	(303,340)	(350,405)	(303,340)
Perbelanjaan operasi lain	(202,277)	(187,216)	(202,277)	(187,216)
Keuntungan operasi sebelum rosot nilai	349,263	251,699	348,901	251,699
Peruntukan bagi kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan	(19,183)	(71,483)	(19,183)	(71,483)
Keuntungan sebelum cukai	330,080	180,216	329,718	180,216
Cukai	(49,338)	(29,838)	(49,338)	(29,838)
Keuntungan bersih selepas cukai	280,742	150,378	280,380	150,378
Keuntungan bagi tahun untuk pemilik	280,742	150,378	280,380	150,378
Pendapatan komprehensif lain				
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan semula kemudiannya kepada untung dan rugi				
Perubahan bersih dalam nilai saksama bagi sekuriti hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")	2,636	151,299	2,636	151,299
Perubahan bersih dalam peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka ("ECL") bagi sekuriti hutang pada FVOCI	(100)	(13)	(100)	(13)
Pengelasan semula kepada untung atau rugi daripada penjualan/penebusan bagi sekuriti hutang pada FVOCI	(1,916)	(145)	(1,916)	(145)
Cukai pendapatan berkaitan komponen-komponen bagi pendapatan komprehensif lain	(98)	(20,405)	(98)	(20,405)
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun, bersih dari cukai pendapatan	522	130,736	522	130,736
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	281,264	281,114	280,902	281,114
Jumlah pendapatan komprehensif untuk pemilik	281,264	281,114	280,902	281,114
Dasar perakaunan dan nota keterangan yang disertakan membentuk sebahagian penting daripada penyata kewangan.				

Nisbah kecukupan modal		
Nisbah kecukupan modal dan komponen modal Bank adalah seperti berikut:		
• Modal CET 1 terdiri daripada modal saham biasa dibayar penuh.		
• Modal Tahap 2 terdiri daripada peruntukan perakaunan melebihi kerugian Notis 637 MAS yang dijangka.		
	2024	2023
	%	%
Nisbah modal CET1	16.2	14.5
Nisbah modal Tahap 1	16.2	14.5
Jumlah nisbah modal	20.2	18.3
	2024	2023
	S\$'000	S\$'000
Modal saham	2,000,000	2,000,000
Rizab yang dinyatakan	370,350	321,986
Pelarasan kawal selia	(1,189)	(3,028)
Modal Ekuiti Biasa Tahap 1 ("CET1")	2,369,161	2,318,958
Modal Tahap 1	2,369,161	2,318,958
Nota subordinat	500,000	500,000
Peruntukan	92,824	108,689
Modal Tahap 2	592,824	608,689
Jumlah modal yang layak	2,961,985	2,927,647
	2024	2023
	S\$'000	S\$'000
Jumlah Aset Berwajaran Risiko (RWA) selepas penyesuaian batas bawah	14,645,916	16,030,229

Pengarah
Para pengarah Bank yang memegang jawatan pada tarikh penyata ini adalah: Datuk Yee Yang Chien (Dilantik pada 15 Ogos 2024) Dato' Khairussaleh bin Ramli Anthony Brent Elam Spencer Lee Tien Chye Wong Heng Ning Kevin Lee Yong Guan Renato Tinio De Guzman

Untuk memahami sepenuhnya keadaan Bank, sila rujuk kepada penyata kewangan berkanun yang terdapat di laman web Maybank.

Laporan juruaudit bebas Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024
Laporan juruaudit bebas kepada Ahli Maybank Singapore Limited dan anak syarikatnya Laporan mengenai audit penyata-penyata kewangan
Pendapat Kami telah melaksanakan audit penyata kewangan Maybank Singapore Limited ("Bank") dan anak syarikatnya ("Kumpulan"), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan penyata kedudukan kewangan Bank yang disatukan pada 31 Disember 2024, dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan, penyata perubahan ekuiti yang disatukan dan penyata aliran tunai Kumpulan yang disatukan, penyata pendapatan komprehensif dan penyata perubahan dalam ekuiti Bank bagi tahun kewangan yang berakhir pada masa itu, dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan maklumat dasar perakaunan penting.
Pada pendapat kami, penyata kewangan Kumpulan yang disatukan serta penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif dan penyata perubahan dalam ekuiti Bank yang disertakan bersama, telah disediakan dengan betul mengikut peruntukan Akta Syarikat 1967 ("Akta") dan Piawaian Pelaporan Kewangan Singapura (Antarabangsa) (SFRS(I) untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan kedudukan kewangan Bank pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan disatukan, perubahan dalam ekuiti disatukan dan aliran tunai disatukan Kumpulan, dan prestasi kewangan dan perubahan dalam ekuiti Bank bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.
Asas pendapat Kami telah melaksanakan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan Singapura (SSA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami bebas daripada Kumpulan mengikut Kod Tatakelakuan dan Etika Profesional bagi Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan oleh Penguasa Pengawasan Perakaunan dan Korporat (ACRA) (Kod ACRA) bersama-sama dengan keperluan etika yang relevan dengan audit kami terhadap penyata kewangan di Singapura, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut keperluan ini dan Kod ACRA. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas bagi pendapat kami.
Perkara Audit Utama Perkara audit utama ialah perkara yang, menurut pertimbangan profesional kami adalah paling penting dalam audit kami bagi penyata kewangan tempoh ini. Perkara ini ditangani dalam konteks audit kami bagi penyata kewangan secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami tentang perkara ini seterusnya, dan kami tidak memberi pendapat yang berasingan mengenai perkara-perkara ini. Bagi setiap perkara berikut, penerangan kami tentang bagaimana audit kami menangani perkara itu disediakan dalam konteks tersebut.
Kami telah memenuhi tanggungjawab yang diterangkan dalam tanggungjawab Juruaudit untuk audit bahagian penyata kewangan laporan kami, termasuk berkaitan dengan perkara ini. Sehubungan itu, audit kami merangkumi prestasi prosedur yang direka untuk memberi respons kepada penilaian kami tentang risiko salah nyata ketara penyata kewangan Kumpulan dan Bank. Keputusan prosedur audit kami, termasuk prosedur yang dilaksanakan untuk menangani perkara di bawah, memberikan asas bagi pendapat audit kami mengenai penyata kewangan yang disertakan.
Bahagian risiko dan rasional
Kerugian kredit yang dijangka (ECL) bagi bil-bil belum terima dan pinjaman serta pendahuluan kepada pelanggan-pelanggan bukan bank Pada 31 Disember 2024, bil-bil belum terima dan pinjaman serta pendahuluan kepada pelanggan-pelanggan bukan bank membentuk 63.4% daripada jumlah aset Kumpulan dan Bank, yang mana peruntukan ECL individu dan kolektif bagi bil-bil belum terima dan pinjaman serta pendahuluan kepada pelanggan-pelanggan bukan bank ialah S\$106.9 juta dan S\$176.8 juta, masing-masing.
Instrumen Kewangan SFRS(I) 9 memerlukan Bank mengambil kira ECL kolektif untuk mengambil kira maklumat yang berbandangan ke hadapan. Ini meliputi pendedahan Peringkat 1 dan Peringkat 2. ECL yang dinilai secara individu mengambil kira andaian masa dan kebarangkalian aliran tunai untuk pendedahan Peringkat 3.
Pengukuran ECL memerlukan penggunaan pertimbangan ketara dan peningkatan kerumitan yang merangkumi pengenalpastian pendedahan kredit di dalam kunci kira-kira dan di luar kunci kira-kira dengan kemerosotan ketara dalam mutu kredit, andaian yang digunakan dalam model ECL (untuk pendedahan yang dinilai secara individu atau secara kolektif) seperti aliran tunai masa hadapan yang dijangka, faktor makroekonomi yang berbandangan ke hadapan dan berbilang senario berwajaran kebarangkalian.
Respons kami
Prosedur audit kami menyertakan penilaian kawalan utama ke atas asal, penilaian mutu kredit dalaman yang berterusan, merekod dan memantau bil-bil belum terima dan pinjaman serta pendahuluan kepada pelanggan-pelanggan bukan bank.
Kami juga menilai proses dan keberkesanan kawalan utama ke atas kriteria pemindahan (bagi tiga peringkat pendedahan kredit di bawah SFRS(I) 9 mengikut mutu kredit), metodologi pengukuran kemerosotan nilai, tabdir urus model, penyenggaraan dan pengesahan model ECL, input, asas dan andaian yang digunakan oleh Kumpulan dan Bank dalam mengklasifikasikan peringkat pendedahan kredit dan pengiraan ECL.
Untuk mengklasifikasikan peringkat dan mengenal pasti pendedahan kredit bukan runcit dengan kemerosotan ketara dalam mutu kredit, kami menilai dan menguji kesesuaian kriteria pemindahan yang digunakan oleh Kumpulan dan Bank.
Untuk pendedahan Peringkat 1 dan 2, kami menilai kewajaran andaian dan anggaran pihak pengurusan berkaitan ECL kolektif. Di samping itu, kami menilai dan menguji model ECL Kumpulan dan Bank, termasuk input model, reka bentuk model dan prestasi model untuk portfolio-portfolio penting. Kami juga menilai sama ada pengalaman bersejarah mewakili keadaan semasa dan kerugian yang ditanggung dalam portfolio dan menilai kewajaran pelarasan yang berbandangan ke hadapan, analisis faktor makroekonomi dan pelbagai senario berwajaran kebarangkalian.
Kami menilai sama ada perubahan dalam pendekatan pemodelan, parameter dan andaian diperlukan dan jika sebarang perubahan yang dibuat adalah sesuai dan diluluskan. Kami juga menilai kewajaran perubahan dalam andaian pemodelan yang dibuat.
Berkenaan ECL yang dinilai secara individu yang terutamanya berkaitan dengan aset-aset yang rosot nilai di Peringkat 3, kami menyemak dan menguji sampel pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan-pelanggan bukan bank untuk menilai ketepatan masa pendedahan ini dikenal pasti oleh Kumpulan dan Bank terhadap kriteria pengenal Kumpulan dan Bank. Bagi kes-kes di mana rosot nilai telah dikenal pasti, kami menilai andaian Kumpulan dan Bank mengenai aliran tunai masa hadapan yang dijangka, termasuk nilai cagaran boleh direalisasikan berdasarkan maklumat pasaran yang tersedia dan pertimbangan pelbagai senario boleh direalisasikan daripada cagaran ini. Kami juga menilai andaian pihak pengurusan terhadap bukti luar jika ada.
Kami juga menilai kecukupan pendedahan dalam penyata kewangan berhubung pendedahan Kumpulan dan Bank kepada risiko kredit. Selain itu, kami melibatkan pakar pemodelan kredit dan pakar IT kami dalam melaksanakan prosedur ini di mana kepakaran khusus mereka diperlukan.
Maklumat lain Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi maklumat umum, penyata para pengarah dan maklumat lengkap, tetapi tidak termasuk penyata-penyata kewangan dan laporan juruaudit kami mengenainya. Pendapat kami ke atas penyata-penyata kewangan tersebut tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulannya. Sehubungan dengan audit kami ke atas penyata-penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu tidak selaras secara ketara dengan penyata-penyata kewangan atau pengetahuan yang kami perolehi daripada audit atau sebaliknya menampakkkan salah nyata ketara. Jika, dari hasil kerja yang kami lakukan, kami menyimpulkan bahawa terdapat salah nyata ketara dalam maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.
Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Para Pengarah terhadap penyata kewangan Pihak pengurusan bertanggungjawab bagi penyediaan penyata-penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama mengikut peruntukan Akta tersebut dan SFRS(I)s, serta merangka dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberi jaminan munasabah bahawa aset-aset dilindungi daripada kerugian akibatgunaan tanpa kebenaran atau pelupusan; dan urus niaga mendapat kebenaran yang betul dan direkod seperti yang diperlukan untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama serta mengekalkan keberanggungjawaban bagi aset. Dalam menyediakan penyata-penyata kewangan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatukan, sepertimana berkenaan, perkara-perkara berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan pihak pengurusan sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif realistik selain berbuat demikian. Tanggungjawab pengarah termasuklah menyelia proses pelaporan kewangan Kumpulan.
Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan Tanggungjawab kami adalah untuk memperoleh jaminan yang wajar sama ada penyata-penyata kewangan secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan mengikut SSA akan sentiasa mengenal pasti salah nyata ketara sekiranya ia wujud. Salah nyataan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan penyata-penyata kewangan ini.
Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan SSA, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:
• Menkenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk memberi asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata ketara disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran salah, atau pelangkauan kawalan dalaman.
• Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.
• Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
• Menyimpulkan mengenai kesesuaian menggunakan asas perakaunan usaha berterusan oleh pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian ketara wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan besar ke atas keupayaan Kumpulan untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan. Jika kami menyimpulkan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan untuk berhenti sebagai usaha berterusan.
• Menilai pembentukan, struktur dan kandungan penyata-penyata kewangan secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata-penyata kewangan ini menunjukkan asas urus niaga dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentukan saksama.
• Rancang dan laksanakan audit kumpulan untuk memperoleh bukti audit yang mencukupi dan sesuai berkenaan maklumat kewangan entiti atau unit perniagaan dalam kumpulan sebagai asas untuk membentuk pendapat mengenai penyata kewangan kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan semakan kerja audit yang dilaksanakan bagi tujuan audit kumpulan. Kami kekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.
Kami berkomunikasi dengan para pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan audit penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.
Laporan mengenai keperluan perundangan dan kawal selia lain Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain yang perlu disimpan oleh Bank dan oleh anak syarikat yang diperbadankan di Singapura mengikut Akta tersebut yang mana kami adalah juruauditnya telah disimpan dengan betul mengikut peruntukan Akta tersebut.
Ernst & Young LLP Akauntan Awam dan Akauntan Berkanun Singapura 19-Feb-25